

Berdasarkan kepada pelaksanaan projek HSBB Fasa 1 sebelum ini, perancangan infrastruktur gentian optik yang dibuat mengambil kira keperluan universiti. Infrastruktur gentian optik yang dilaksanakan adalah tersedia bagi sambungan ke universiti-universiti yang berada dalam liputan HSBB Fasa 1.

Apabila HSBB Fasa 2 dilaksanakan, infrastruktur gentian optik tersebut boleh digunakan bukan sahaja untuk pengguna individu malahan universiti yang berada dalam liputan rangkaian tersebut termasuklah UTAR di Kampar. UTAR telah melanggan perkhidmatan Litar Suwa (*Leased Line Service*) yang berkapasiti berkelajuan 20Mbps untuk kegunaan aktiviti dalam kawasan universiti. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat permintaan atau perancangan daripada pihak universiti untuk menaik taraf perkhidmatan, TM Perak sentiasa bersedia untuk memenuhi permintaan tersebut.